

SUKATAN PELAJARAN

FASA PERTAMA

THANAWI 1

BIL	MATA PELAJARAN	KITAB
1	AL-QURAN	A) SURAH-SURAH PILIHAN (HAFAZAN) B) MUSHAF ALQURAN (BACAAN)
2	TAJWID	TAJWID AL-QURAN RASMI UTHMANI
3	FEQAH	BIDAYATUL MUHTADI WAJUDATUL AJLAH
4	TAUHD	FARIDATUL FARAD
5	AKHLAK	TALIMUL TALIM (PELITA PENUNTUT)
6	JAWI DAN KHAT	SISTEM E-JAWI JAWI
7	ASAS LUGHAH ARABIAH	A) ASAS LUGHAH ARABIAH B) MUTOLAHAH (BUKU TEKS KEMENTERIAN BAHASA ARAB)
8	QAWAID LUGHAH ARABIAH	A) NAHU WADH B) MATAN AJRUMIYYAH (HAFAZAN) C) SOROF (DAMMU DAN MADKHAL)
9	PENDIDIKAN AGAMA ISLAM	BUKU TEKS KEMENTERIAN

THANAWI 3

BIL	MATA PELAJARAN	KITAB
1	AL-QURAN DAN TAJWID	A) SURAH-SURAH PILIHAN (HAFAZAN) B) MUSHAF ALQURAN (BACAAN) C) TAJWID AL-QURAN RASMI UTHMANI
2	FEQAH	KIFAYATUL MUHTADI
3	TAUHD	BIAYATUL HIDAYAH
4	AKHLAK	HIDAYATUS SALIKIN
5	TAFSIR	TAFSIR ABRU ATHIR
6	HADITH	HADITH 40
7	MUSTOLAH HADITH	MINHAJUL MUGHITH
8	LUGHAH ARABIAH	DURUS LUGHAH ARABIAH
9	QAWAID LUGHAH ARABIAH	A) NAHU WADH B) MATAN AJRUMIYYAH (HAFAZAN) C) SOROF (MATAN BINA' WAL ASAS)
10	MUTOLAHAH DANI INSYA'	MUTOLAHAH (BUKU TEKS KEMENTERIAN BAHASA ARAB)
11	SIRAH	NURUL YAKIN
12	PENDIDIKAN AGAMA ISLAM	BUKU TEKS KEMENTERIAN

FASA KEDUA

PRA STAM

BIL	MATA PELAJARAN	KITAB
1	HIFZ AL-QURAN DAN TAJWID	BUKU TEKS KEMENTERIAN
2	FEQAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
3	TAUHD DAN MANTIQ	BUKU TEKS KEMENTERIAN
4	TAFSIR DAN ULUMUHU	BUKU TEKS KEMENTERIAN
5	HADITH DAN MUSTOLAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
6	NAHU DAN SARF	BUKU TEKS KEMENTERIAN
7	INSYA' DAN MUTOLAHAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
8	ADAB DAN NUSUS	BUKU TEKS KEMENTERIAN
9	ARUDH DAN QAIFYAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
10	BALAGHAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
11	BAHASA ARAB	BUKU TEKS KEMENTERIAN
12	PENDIDIKAN QURAN SUNNAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
13	PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIYYAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN

THANAWI 2

BIL	MATA PELAJARAN	KITAB
1	AL-QURAN	A) SURAH-SURAH PILIHAN (HAFAZAN) B) MUSHAF ALQURAN (BACAAN)
2	TAJWID	TAJWID AL-QURAN RASMI UTHMANI
3	FEQAH	KIFAYATUL MUHTADI
4	TAUHD	A) BIAYATUL HIDAYAH B) MATAN UMMUL BARAHIN
5	AKHLAK	HIDAYATUS SAUKIN
6	TAFSIR	TAFSIR JUZUK AMMA
7	HADITH	HADITH 40
8	LUGHAH ARABIAH	A) DURUS LUGHAH ARABIAH B) MUTOLAHAH (BUKU TEKS KEMENTERIAN BAHASA ARAB)
9	QAWAID LUGHAH ARABIAH	A) NAHU WADH B) MATAN AJRUMIYYAH (HAFAZAN) C) SOROF (MATAN BINA' WAL ASAS)
10	SIRAH	NURUL YAKIN
11	PENDIDIKAN AGAMA ISLAM	BUKU TEKS KEMENTERIAN

THANAWI 4

BIL	MATA PELAJARAN	KITAB
1	AL-QURAN DAN ULUMUHU	A) SURAH-SURAH PILIHAN (HAFAZAN) B) MUSHAF ALQURAN (BACAAN) C) MABAHIH FI ULUMUL QURAN
2	FEQAH	A) FATHUL QARIBUL MUJIB B) MANAHU ASSYAFIYYAH
3	TAUHD	JAUHARAH TAUHD
4	TASAWWUF	HAQAIQ'AN ATASAWWUF
5	TAFSIR	TAFSIR ABRU ATHIR
6	HADITH	MUSTIKA HADITH
7	DAKWAH	USUL DAKWAH
8	LUGHAH ARABIAH	DURUS LUGHAH ARABIAH
9	QAWAID LUGHAH ARABIAH	A) NAHU (SYARAH AZHAR JADIDAH) B) MATAN AJRUMIYYAH (HAFAZAN) C) SOROF (MATAN 'ZZI)
10	MUTOLAHAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN BAHASA ARAB
11	INSYA'	BUKU TEKS KEMENTERIAN BAHASA ARAB
12	BALAGHAH	BALAGHAH WADHDAH
13	SIRAH	NURUL YAKIN
14	PENDIDIKAN QURAN SUNNAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
15	PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIYYAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN

STAM

BIL	MATA PELAJARAN	KITAB
1	HIFZ AL-QURAN DAN TAJWID	BUKU TEKS KEMENTERIAN
2	FEQAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
3	TAUHD DAN MANTIQ	BUKU TEKS KEMENTERIAN
4	TAFSIR DAN ULUMUHU	BUKU TEKS KEMENTERIAN
5	HADITH DAN MUSTOLAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
6	NAHU DAN SARF	BUKU TEKS KEMENTERIAN
7	INSYA' DAN MUTOLAHAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
8	ADAB DAN NUSUS	BUKU TEKS KEMENTERIAN
9	ARUDH DAN QAIFYAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN
10	BALAGHAH	BUKU TEKS KEMENTERIAN

CARA PENGAMBILAN

SEMUA CALON YANG INGIN MEMASUKI PONDOK DARUL IMAN DIKEHENDAKI LULUS UJIAN LISAN DAN BERTULIS DAN TEMUDUGA YANG DIADAKAN

ANTARA UJIAN YANG PERLU DIDUDUKI OLEH CALON ADALAH SEPERTI BERIKUT :

- UJIAN BERTULIS
 - JAWI KE RUMI
 - RUMI KE JAWI
- UJIAN LISAN = MEMBACA AL-QURAN DAN JAWI

CARA MEMOHON

- Borang permohonan boleh didapati dari :
 - Menara Yayasan Islam Terengganu
Tingkat 10 & 11,
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu.
 - Yayasan Islam Terengganu di daerah yang berhampiran
 - Pondok Darul Iman, Yayasan Islam Terengganu
 - Laman Web Yayasan Islam Terengganu
www.yit.gov.my
 - Blog rasmi Pondok Darul Iman
www.pdiyit.blogspot.com
- Permohonan yang lengkap dan mengikut syarat akan diterima bagi calon yang memohon ke Pondok Darul Iman
- Permohonan tersebut hendaklah dihantar terus ke Pondok Darul Iman atau melalui pos di alamat :
Pengetua
Pondok Darul Iman
Yayasan Islam Terengganu
Kampung Pelandan, Tersat
21700 Kuala Berang
Hulu Terengganu
- Borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat di atas bersekali dengan salinan-salinan kad pengenalan, surat beranak, sijil-sijil persekolahan dan dokumen-dokumen lain yang telah disahkan.



قونءوق ءار الإءمان
يياسن إءلام ءرءكانو

PONDOK DARUL IMAN
YAYASAN ISLAM TERENGGANU

KAMPUNG PELANDAN, TERSAT
21700 KUALA BERANG HULU TERENGGANU
NO. TEL 609-6811334 NO FAX : 609-6811335

EMAIL : pondokdaruliman@gmail.com
BLOG PDI : pdyyit.blogspot.my



SEJARAH PENUBUHAN

Pondok Darul Iman (PDI) mula beroperasi pada 1 November 2009 apabila Markas Pengajian Islam Wanita (MARPANITA) yang kini dikenali dengan nama Institut Pengajian Islam (INSPI) berpindah ke kampus induk di Kemaman pada pertengahan tahun 2009. Pengambilan pelajar yang pertama pada 17 Januari 2010 seramai 113 orang. PDI kini semakin berkembang dengan pertambahan bilangan pelajar dan infrastruktur yang baharu. Dalam pada itu, PDI turut memperkenalkan Sijil Syahadah Thanawiyyah dan mewajibkan pelajar menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berakhir pengajian di PDI dengan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

OBJEKTIF PENUBUHAN

1. Menghidupkan kembali sistem pondok yang pernah diwujudkan sewaktu awal penubuhan MARPA di Kemaman. Pada waktu itu, MARPA juga lebih dikenali sebagai Pondok Moden.
2. Merealisasikan hasrat kerajaan Terengganu untuk melahirkan lebih ramai imam dan bilal yang berwibawa.
3. Menyambut baik hasrat masyarakat setempat yang inginkan suasana keagamaan di tempat mereka.
4. Membuka peluang kepada rakyat Terengganu yang berhasrat untuk menekuni ilmu agama secara sistem pondok yang agak berkurangan di Negeri Terengganu.

VISI PDI

Menjadi pusat pengajian agama terunggul dalam melahirkan generasi rabbani di Negeri Terengganu Darul Iman

MISI PDI

Pondok Darul Iman Yayasan Islam Terengganu beriltizam untuk :
Membangunkan modal insan melalui sistem pengajian pondok dengan menekuni kitab-kitab ulama' silam di samping menggarap potensi pelajar dengan akhlak yang mulia sejajar dengan sabda rasulullah S.A.W
"إِنَّمَا بُعِثْتُ لَأَتِمَّ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ"
Yang bermaksud : Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

PROSPEK MASA DEPAN PELAJAR

PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN LEPASAN PONDOK DARUL IMAN

1. UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR
2. UNIVERSITI ISLAM NEGERI SULTAN SYARIF KASIM, INDONESIA
3. INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) TEMPATAN
4. INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) TEMPATAN

SYARAT KEMASUKAN

1. Kerakyatan Negeri Terengganu
2. Berumur 13 tahun
3. Tamat darjah enam dari sekolah bantuan penuh kerajaan
4. Boleh membaca jawi
5. Lulus ujian kemasukan
6. Sekurang-kurangnya mendapat 4A dalam UPKK

KEISTIMEWAAN DAN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

1. Sistem pengajaran dan pembelajaran akan dijalankan mengikut sistem pondok
2. Tempoh pengajian selama 6 tahun adalah seperti berikut:
 - a. Fasa pertama : 4 tahun (Syahadah Thanawiyyah)
 - b. Fasa kedua : 2 tahun (STAM)
3. Berpeluang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) untuk menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi dalam dan luar Negara
4. Asrama disediakan secara percuma
5. Makan / minum percuma

SISTEM PENGAJIAN



SISTEM PENGAJIAN PONDOK DARUL IMAN

KELAS TAFAL

1. Pengajian di PDI dibahagikan kepada dua fasa, iaitu Fasa 1 dan Fasa 2.
2. Semua pelajar diwajibkan menduduki peperiksaan PT3 pada Thanawi 3.
3. Pelajar yang lulus Syahadah Thanawiyyah pada Thanawi 4, layak meneruskan pengajian di fasa kedua.
4. Bagi pelajar yang gagal 3 madah (mata pelajaran) dan ke bawah sahaja, layak dipertimbangkan untuk menduduki peperiksaan Tasfiyah (peperiksaan ulangan bagi madah yang gagal sahaja).
5. Sekiranya lulus semua madah Tasfiyah, pelajar berkenaan layak meneruskan pengajian ke fasa kedua (pra STAM), untuk menduduki peperiksaan SPM dan STAM.
6. Sekiranya masih gagal dalam peperiksaan berkenaan dikira gagal dan dibenarkan I'adah (mengulang semua madah di tahun berkenaan) serta kekal di Thanawi 4.
7. Manakala pelajar yang gagal 4 madah dan ke atas, dibenarkan I'adah (mengulang semua madah di tahun berkenaan) dan kekal di Thanawi 4.
8. Namun begitu, pelajar I'adah tetap dibenarkan menduduki peperiksaan SPM dan layak dipertimbangkan untuk meneruskan pengajian fasa kedua sekiranya lulus Syahadah Thanawiyyah.
9. Pelajaran hanya dibenarkan sekali sahaja I'adah (mengulangi semua madah di tahun berkenaan) iaitu pada Thanawi 4 sepanjang pengajian di PDI.

KELAS AKADEMIK

1. Waktu pembelajaran bermula pada sesi pagi
2. Mempelajari 5 subjek teras bagi PT3 dan juga SPM
3. Terdapat tenaga pengajar akademik
4. Pelajar juga wajib menduduki peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun.
5. Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) tidak akan disediakan.